

**[DIGNIFYING THE INSTITUTION OF FATWA ACCORDING TO THE PERSPECTIVE OF QAWAID FIQHIYYAH]**

**MEMARTABATKAN INSTITUSI FATWA MENURUT PERSPEKTIF QAWAID FIQHIYYAH**

Mohd Izzuddin Mohd Noor<sup>1\*</sup>  
Fatimah Nadirah Mohd Noor<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

\*Corresponding author: izzuddin@kuim.edu.my

Received Date: • Accepted Date:

**Abstract**

*Fatwa is very important to the Muslim especially in facing the modern life nowadays. This is because there are many new things that require the latest fatwas to facilitate the affairs of the lives of Muslims. Therefore, the fatwa institution needs to be elevated as respected and revered organization. This study aims to see the ways that can be used to elevate the institution of fatwa from the point of view of Qawaid Fiqhiyyah. The form of this study is qualitative which gathers information from the books of turath, contemporary books, scholarly studies, as well as current fatwas related to fatwas, fatwa institutions and Qawaid Fiqhiyyah. All this information will be examined to get the best worldview related to the steps that can be taken to elevate the institution of fatwa from the perspective of Qawaid Fiqhiyyah. The results show that Qawaid Fiqhiyyah can be a guiding instrument to elevate the institution of fatwa. In conclusion, the application of Qawaid Fiqhiyyah needs to be expanded in the form of action and implementation in all fatwa institutions.*

**Keywords:** *Fatwa, Fatwa Institution, Qawaid Fiqhiyyah*

**Abstrak**

Fatwa merupakan perkara yang sangat penting kepada Umat Islam terutamanya dalam menghadapi kehidupan serba moden pada hari ini. Ini adalah kerana terdapat banyak perkara baru yang memerlukan kepada fatwa-fatwa terkini bagi memudahkan urusan kehidupan Umat Islam. Maka institusi fatwa merupakan institusi yang perlu dijulung tinggi sebagai badan yang perlu dihormati dan disegani. Kajian ini bertujuan untuk melihat cara-cara yang difikirkan boleh digunakan bagi memartabatkan institusi fatwa dari sudut pandang Qawaid Fiqhiyyah. Bentuk kajian ini ialah kualitatif yang menghimpunkan maklumat daripada kitab-kitab turath, kontemporari, kajian ilmiah, dan juga fatwa semasa berkaitan dengan fatwa, institusi fatwa

dan Qawaid Fiqhiyyah. Kesemua maklumat ini akan diteliti bagi mendapatkan kesimpulan yang baik berkaitan dengan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk memartabatkan institusi Fatwa daripada perspektif Qawaid Fiqhiyyah. Hasil kajian menunjukkan Qawaid Fiqhiyyah boleh menjadi instrumen panduan bagi memartabatkan institusi Fatwa. Kesimpulannya pengaplikasian Qawaid Fiqhiyyah sangat perlu diperluaskan dalam bentuk tindakan dan pelaksanaan di semua institusi Fatwa.

**Kata kunci:** Fatwa, Institusi Fatwa, Qawaid Fiqhiyyah.

**Cite as:** Mohd Izzuddin Mohd Noor & Fatimah Nadirah Mohd Noor 2021. Memartabatkan Institusi Fatwa Menurut Perspektif Qawaid Fiqhiyyah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 120-133.

## **PENGENALAN**

Perkembangan dunia yang sangat pantas berubah daripada semasa ke semasa, telah menyebabkan kehidupan manusia juga turut berkembang dan berubah. Hal ini juga telah menyebabkan timbulnya persoalan dan permasalahan baru dihadapi oleh masyarakat umat Islam. Ini telah membawa kepada perlunya pengeluaran fatwa-fatwa baru bagi menjawab segala kemusykilan yang berlegar di kalangan ahli masyarakat. Bahkan fatwa-fatwa lama yang telah dikeluarkan sebelum ini juga perlu diulang siar sebagai makluman kepada mereka yang terlepas pandang akan kewujudan fatwa-fatwa tersebut. Semua ini sebenarnya menunjukkan bahawa fatwa dan institusi fatwa merupakan elemen yang penting dalam memastikan masyarakat mengamalkan kehidupan secara bersyariat. Namun pada hari ini, masih terdapat segelintir di kalangan ahli masyarakat yang memandang rendah dan mempertikaikan fatwa yang telah dikeluarkan. Institusi fatwa juga telah dikecam apabila mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan kehendak golongan yang tertentu. Terbaru ialah apabila Mufti Wilayah Persekutuan Sahibul Samahah Datuk Dr Luqman Abdullah menyatakan hukum haram merentas negeri untuk balik kampung sempena Aidil Fitri 2021. Pandangan ini telah mendapat kecaman daripada sesetengah pihak (Awani, 2021). Walau bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata isu mengenai hukum haram bagi merentas negeri pulang ke kampung meraikan Aidilfitri dianggap selesai jika dilihat daripada keseluruhan konteks (Berita Harian, 2021).

## **FATWA DAN MUFTI**

Perkataan fatwa berasal daripada Bahasa Arab iaitu الفتوى atau الفتيا yang membawa beberapa maksud dari sudut bahasa; yang pertama pemuda pemudi, kedua unta, ketiga penyamaran, keempat larangan, kelima hamba (Al-Dusaki, 2007). Manakala dari sudut istilah pula sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Al-Qarafi (t.t) fatwa ialah pemberitahuan tentang hukum Allah SWT dalam perkara yang diwajibkan ataupun yang diharuskan.

Mufti pula secara umumnya ialah sesiapa yang mengetahui secara keseluruhan hukum-

hakam syarak dengan baik (Al-Zarkashi, 1994). Menurut Ibnu Hamdan (2015), mufti ialah pemberitahu hukum Allah SWT kerana mempunyai ilmu pengetahuan tentang dalil atau individu yang berkelayakan untuk mengetahui hukum-hakam syarak terhadap sesuatu perkara yang berlaku dengan dalil. Menurut Ibnu Al-Sama'ani, mufti ialah individu yang memenuhi tiga syarat iaitu berkemampuan untuk berijtihad, bersifat adil, jauh daripada sikap bermudah-mudah (Ibnu Amir Haj, 1983).

Peranan fatwa dan mufti sangat besar dalam kehidupan terutamanya dalam merungkai persoalan yang menjadi belenggu di kalangan masyarakat awam. Sejak daripada dahulu lagi, terdapat ilmuwan Islam silam yang menulis atau mengumpulkan fatwa-fatwa mereka di dalam buku khusus penulisan mereka seperti kitab Al-Fatawa Al-Hindiyyah, Fatawa Ibnu Hajar Al-Haithami, dan Fatawa Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah. Begitu juga pada zaman sekarang ulamak semasa seperti Dr Yusuf Al-Qaradawi juga telah menghimpunkan fatwa dalam buku berjudul Al-Fatawa Al-Muasarah (Fatwa-Fatwa Terkini) (Abdul Haq Hamish, 2007).

Bahkan kepentingan fatwa dan mufti ini telah menyebabkan wujudnya institusi fatwa yang pelbagai di negara-negara umat Islam. Antaranya Dar Al-Ifta' Mesir, Dar Al-Ifta' Jordan, Haiah Kibar Al-Ulama' dan Lajnah Daimah Li Al-Fatwa Arab Saudi. Terdapat juga akademi fatwa antarabangsa seperti Akademi Fiqh Islam Antarabangsa Jeddah, Akademi Fiqh Islami Makkah, dan Majlis Fatwa Eropah (Naqib, 2019).

Manakala di dalam negara kita sebagaimana yang telah diketahui, secara umumnya terdapat dua majlis fatwa iaitu Majlis Fatwa Kebangsaan, dan juga Majlis Fatwa Negeri di seluruh negeri-negeri di dalam Malaysia. Terdapat perbezaan antara Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Fatwa Negeri, di mana fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bersifat tidak mengikat, juga tidak boleh diwartakan (Muhammad Ikhlas, 2017). Ini berbeza dengan Fatwa yang diputuskan oleh negeri-negeri yang mempunyai kuasa untuk dikuatkuasakan.

## **QAWAID FIQHIYYAH**

Ianya merupakan salah satu daripada komponen penting ilmu Fiqh selain daripada Usul Fiqh, dan juga Maqasid Syariah. Qawaid Fiqhiyyah ialah asas hukum fiqh secara keseluruhan yang mengandungi padanya hukum-hukum syarak yang umum daripada pelbagai tajuk di mana isu-isu tertentu berada dalam tajuk-tajuk tersebut. (Al-Nadwi, 1994). Secara mudahnya, Qawaid Fiqhiyyah adalah kaedah-kaedah tertentu dalam bentuk formula ringkas yang membolehkan sesuatu hukum hakam fiqh pada bab tertentu dikeluarkan oleh para ulamak.

Qawaid Fiqhiyyah dikira sebagai dalil dalam pengeluaran hukum hakam disebabkan ianya mempunyai sandaran nas daripada Al-Quran dan Sunnah (Al-Sadlan, 1996). Selain daripada itu, Qawaid Fiqhiyyah secara umumnya terbahagi kepada tiga kaedah iaitu lima kaedah utama, kaedah umum yang lain, dan kaedah yang khusus (Al-Subki, 1991). Oleh kerana perbincangan berkaitan dengan Qawaid Fiqhiyyah adalah besar dan luas, maka kajian ini akan memfokuskan kepada lima kaedah utama sahaja di dalam Qawaid Fiqhiyyah iaitu Kaedah Sesuatu Perkara Berdasarkan Kepada Niat, Kaedah Keyakinan Tidak Dapat Dihilangkan Dengan Keraguan, Kaedah Kesusahan Membawa Keringanan, Kaedah Kemudaratan Dihilangkan dan Kaedah Adat Sebagai Sumber Hukum.


### **KAEDAH PERTAMA “SESUATU PERKARA BERDASARKAN KEPADA NIAT”**

Menurut Al-Zarqa(1989), maksud kaedah ini ialah hukum terhadap sesuatu perkara ditentukan berdasarkan kepada maksud atau tujuan sebenar perkara tersebut. Ianya bersandarkan kepada sebuah hadith yang terkenal riwayat Al-Bukhari:

“Setiap amalan ditentukan berdasarkan niat, dan bagi setiap individu apa yang diniatkannya”

Pada pandangan pengkaji, mesej utama tersirat daripada kaedah ini ialah sesuatu perkara yang dilakukan oleh manusia bermula dengan misi dan visi, dan seharusnya disertakan pelaksanaan terhadap perkara tersebut.

Melalui kaedah ini, institusi fatwa dapat dimartabatkan dengan institusi fatwa perlu mempunyai visi dan misi yang jelas untuk dicapai sama ada dalam jangka masa pendek mahupun panjang. Penetapan visi dan misi ini perlulah disusuli dengan pelan strategi pelaksanaan yang mapan agar semua perkara yang telah digariskan dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan pelaksanaan. Setelah semua pelan strategi pelaksanaan ini dilakukan, satu bentuk bedah siasat atau *postmortem* perlu dilakukan bagi menilai semula keberkesanan dan nilai kejayaan pelan strategi pelaksanaan tersebut.



(Rajah Memartabatkan Institusi Fatwa Melalui Kaedah Pertama)

### **KAEDAH KEDUA “KEYAKINAN TIDAK DAPAT DIHILANGKAN DENGAN KERAGUAN”**

Menurut Al-Zuhaili(2006) maksud kaedah ini ialah secara logik akal nya perkara yang telah diyakini tidak akan terhapus dengan wujudnya sesuatu perkara yang lebih lemah daripadanya, dan ianya tidak dapat ditandingi melainkan jika terdapat perkara yang setaraf atau lebih kuat daripadanya. Dan inilah apa yang disokong oleh akal fikiran manusia. Dalil kepada kaedah ini ialah salah satunya daripada hadis Rasulullah SAW riwayat Muslim:

“Seorang lelaki telah mengadu kepada Rasulullah SAW tentang dirinya diganggu dengan ketidakpastian sesuatu yang berlaku kepadanya dalam Solat: Sabda Rasulullah SAW: “Jangan keluar daripada solat sehingga mendengar bunyi atau terdapatnya bau”.

Pada pandangan pengkaji, mesej utama tersirat daripada kaedah ini ialah menimbulkan keyakinan dan menolak keraguan syak wasangka terhadap sesuatu perkara.

Melalui kaedah ini, institusi fatwa dapat dimartabatkan apabila mufti dan ahli jawatankuasa fatwa dilantik di kalangan mereka yang berlatar belakang ahli akademik dan pensyarah universiti serta terdiri di kalangan mereka yang benar-benar berautoriti. Hal ini telah berlaku di beberapa buah negeri di Malaysia seperti di Perlis, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Terengganu, dan terbaru di Selangor. Hal ini juga perlu diperluaskan ke seluruh negeri di Malaysia. Maka dalam naratif ini juga, sebuah institusi penyelidikan fatwa di bawah naungan institusi fatwa perlu diwujudkan bersama. Hakikat yang perlu diakui ialah fatwa dan

penyelidikan merupakan perkara yang tidak dapat dipisahkan. Hal ini adalah kerana penyelidikan yang menjadi asas kepada penghasilan sesuatu fatwa telah menjadikan sesuatu fatwa tersebut diakui keabsahan dan ketulenannya. Selain daripada itu, mufti dan institusi fatwa perlu bertindak sebagai jurubicara umat dan bersikap non partisan supaya sebarang komentar yang diberikan terhadap sesuatu isu dilihat tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Dari sudut meningkatkan integriti dan kredibiliti institusi fatwa, segala urusan perbelanjaan wang dan pendapatan dilakukan pengauditan sama ada audit dalaman dan juga audit daripada pihak luar. Di samping itu juga, institusi fatwa perlu mengadakan kerjasama dengan institusi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan juga Institut Integriti Malaysia supaya dapat diiktiraf sebagai sebuah institusi yang bersih daripada sebarang elemen rasuah dan penyalahgunaan kuasa.



(Rajah Memartabatkan Institusi Fatwa Melalui Kaedah Kedua)

### **KAEDAH KETIGA “KESUSAHAN MEMBAWA KERINGANAN”**

Menurut Ali Haidar (1991) kaedah ini membawa maksud kesusahan yang dihadapi dalam sesuatu perkara menjadi sebab yang kuat untuk memudahkan urusan perkara tersebut, dengan kata lain, wajib diberikan keluasan pada waktu kesempitan. Ianya wujud berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW riwayat Bukhari “Sesungguhnya agama Islam ini adalah mudah, dan tidaklah seseorang itu menjadikan urusan agama susah melainkan dirinya akan ditimpa kesusahan”.

Pada pandangan pengkaji, mesej utama tersirat daripada kaedah ini ialah mengelakkan sebarang halangan dan birokrasi bagi memudahkan interaksi antara institusi fatwa dengan masyarakat.

Melalui kaedah ini, institusi fatwa dapat dimartabatkan dengan melakukan program turun padang di semua tempat yang menjadi tumpuan masyarakat seperti masjid surau, pasaraya, dan lain-lain. Antara program yang boleh dilaksanakan ialah klinik hukum hakam dan penjelasan fatwa-fatwa. Selain daripada itu, bersesuaian dengan perkembangan teknologi semasa, aplikasi mudah alih *Google Store* bagi *Android*, dan *Play Store* bagi *Iphone* yang memuatkan maklumat sejarah latar belakang institusi fatwa, koleksi-koleksi fatwa lepas dan kemudahan pertanyaan soalan perlu dibina. Di samping itu juga, laman sesawang institusi fatwa dan juga laman sosial sama ada dalam bentuk *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, mahupun *Tik Tok* haruslah diaktifkan.



(Rajah Memartabatkan Institusi Fatwa Melalui Kaedah Ketiga)


### **KAEDAH KEEMPAT “KEMUDARATAN DIHILANGKAN”**

Menurut Uthman Syibir(2007) maksud kaedah ini ialah kemudaratatan wajib dihapuskan sebelum dan selepas berlaku kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Ianya bersumberkan kepada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan Ibnu Majah:

“Tidak boleh melakukan kemudaratatan dan tidak boleh memudaratkan orang lain”

Pada pandangan pengkaji, mesej utama tersirat daripada kaedah ini ialah berusaha mengelakkan sebarang fitnah dan keburukan bagi mengelakkan imej dan nama baik institusi fatwa tercalar.

Melalui kaedah ini, institusi fatwa dapat dimartabatkan dengan bertindak cepat dan responsif apabila wujudnya sesuatu isu yang menjadi tajuk perbualan masyarakat dengan memberikan penerangan yang jelas dan tuntas. Manakala dari sudut hukum hakam pula, institusi fatwa perlu berusaha untuk menjawab sebarang persoalan tentang hukum hakam oleh ahli masyarakat dalam masa yang pantas dan singkat. Sebarang fitnah dan tohmahan yang dilontarkan kepada mufti dan institusi fatwa perlu dijawab segera dengan mengeluarkan memo kenyataan media dan juga tindakan saman mahkamah.



(Rajah Memartabatkan Institusi Fatwa Melalui Kaedah Keempat)

### **KAEDAH KELIMA “ADAT SEBAGAI SUMBER HUKUM”**

Menurut Abdul Karim Zaidan(2001), makna kaedah ini ialah adat sama ada umum atau khas dijadikan hukum untuk mengukuhkan sesuatu hukum syarak. Hadith yang menjadi sumber kewujudan kepada kaedah ini seperti yang diriwayatkan Ahmad ialah

“Apa yang dilihat baik oleh orang Islam, maka ianya dikira baik di sisi Allah, apa yang dilihat buruk oleh orang Islam, maka ianya dikira buruk di sisi Allah”

Pada pandangan pengkaji, mesej utama tersirat daripada kaedah ini ialah peka terhadap adat budaya setempat yang banyak mempengaruhi tatacara kehidupan dan pemikiran masyarakat.

Melalui kaedah ini, institusi fatwa dapat dimartabatkan dengan tindakan menilai dan menyemak semula fatwa-fatwa sebelum ini agar bersesuaian dengan tuntutan perubahan zaman dan masa. Perubahan fatwa-fatwa lama ini perlu dilakukan agar bertepatan dengan masalah dan kebaikan semasa masyarakat umat Islam. Dalam masa yang sama, institusi fatwa perlu merangka model atau garis panduan metod pengeluaran fatwa berasaskan kepada pendekatan Fiqh Maqasid Syariah dan Fiqh Waqi’ walaupun fatwa tersebut berbeza dengan mazhab rasmi negara iaitu mazhab Syafie. Di samping itu juga, sesuai dengan perkembangan IR 4.0, institusi fatwa perlu mewujudkan data bank fatwa secara digital seluruh negara daripada zaman dahulu sehinggalah zaman sekarang. Fatwa-fatwa yang disimpan secara digital ini memudahkan masyarakat terutamanya penyelidik dalam mengakses senarai fatwa bagi tujuan penyelidikan dan pembaharuan. Selain itu juga, institusi fatwa juga perlu melakukan penerokaan ijtihad baru

dalam isu-isu seperti Bitcoin, Fintech, dan Artificial Intelligence.



(Rajah Memartabatkan Institusi Fatwa Melalui Kaedah Kelima)

## **KESIMPULAN**

Untuk meneruskan kerelevanan institusi fatwa di dalam negara kita, usaha untuk memartabatkan institusi fatwa ini perlu dilakukan dengan segera. Salah satu pendekatan yang boleh digunakan bagi merealisasikan perkara tersebut ialah Qawaid Fiqhiyyah sebagaimana yang telah dihuraikan oleh pengkaji. Elemen niat, keyakinan, kemudahan, menghapuskan kemudaratan, dan adat budaya wajar dikembangkan bagi membina sebuah model institusi fatwa yang berdaya saing di sepanjang zaman.

## **RUJUKAN**

- Abdul Haq Hamish. (2007). Qadaya Fiqhiyyah Muasarah. Sharjah: Jamiah al-Shariqah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2000). Sahih Bukhari. t.t: Dar Thuq al-Najah.
- Al-Dusaki, Muhsin Salih. (2007). Dawabit al-Fatwa Fi al-Syariah al-Islamiyyah. Makkah: Maktabah Nuzar Mustafa al-Baz.
- Ali Haidar. (1991). Durar Al-Hukam Fi Syarh Majallah Al-Ahkam. t.t: Dar al-Jil.
- Al-Nadwi, Ali. (1994). Al-Qawaid al-Fiqhiyyah. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. (t.t). Al-Furuq. t.t: Alam al-Kutub.
- Al-Sadlan, Saleh bin Ghanim. (1996). Al-Qawaid al-Fiqhiyyah al-Kubra Wa Ma Tafarra' 'Anha. Riyadh: Dar Balnisyyah.
- Al-Subki, Abdul Wahab bin Taqiyuddin. (1991). Al-Ashbah Wa al-Nazair. t.t: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Zarkashi, Muhammad bin Abdullah. (1994). Al-Bahr al-Muhit Fi Usul Fiqh. T.t: Dar al-Kutubi.
- Al-Zarqa, Ahmad bin Muhammad. (1989). Syarh Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhaili, Muhammad Mustafa. (2006). Al-Qawaid al-Fiqhiyyah Wa Tatbiqatuha Fi al-Mazahib Al-Arbaah. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Amir Haj, Muhammad bin Muhammad. (1983). Al-Taqrir Wa Tahbir. t.t: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibnu Hamdan, Ahmad bin Hamdan. (2015). Sifat al-Mufti Wa al-Mustafti. Riyadh: Dar al-Samiie.
- Ibnu Hanbal, Ahmad bin Muhammad. (2001). Musnad Imam Ahmad bin Hanbal. Muasassah Al-Risalah.
- Ibnu Majah, Muhammad bin Yazid. (t.t). Sunan Ibnu Majah. t.t: Dar Ihya Kutub Arabiyyah.

Muhammad Ikhlas Rosele. (2017). Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Di Malaysia: Peranan Dan Relevansi Penubuhannya. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 10(1), 89-100.

Muhammad Naqib bin Hamdan. (2019). *Himpuna Fatwa Jordan*. Selangor: Santai Ilmu Publication.

Muslim bin Al-Hajaj. (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Uthman Syibir. (2007). *Al-Qawaid al-Kuliyyah Wa Dhawabit al-Fiqhiyyah Fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Amman: Dar Al-Nafais.

<http://www.saaaid.net/arabic/35.htm>(Diakses pada 24 Julai 2021).

<https://ar.islamway.net/article/74883/الافتوى-في-اللغة-والاصطلاح> (Diakses pada 24 Julai 2021).

<https://csi.qu.edu.sa/files/shares/04/المؤتمرات%20والفاعليات/بحوث%20المحور%20الثالث.pdf>(Diakses pada 31 Julai 2021).

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mufti-wilayah-akui-tekanan-punca-pihak-tidak-setuju-kenyataan-haram-rentas-negeri-304056>(Diakses pada 1 Ogos 2021).

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/812750/isu-haram-langgar-larangan-rentas-negeri-untuk-beraya-selesai>(Diakses pada 1 Ogos 2021).